

B A B K E E M P A T

## BAB KEEMPAT

### AMALAN BERZAKAT PADI DI KALANGAN MASYARAKAT MELAYU KOTA SETAR DAN MENURUT PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG ZAKAT NEGERI KEDAH

#### 4.0 Pendahuluan

Perbincangan lalu menunjukkan maklum balas daripada semua respondan mengakui bahawa prinsip-prinsip daripada mazhab Syafie telah menjadi panduan utama dalam amalan ibadah mereka termasuklah dalam melaksanakan kewajipan zakat padi. Melihat kepada pengakuan tersebut kajian ini cuba melihat realiti amalan masyarakat berhubung amalan itu yang telah wujud sebagai perbandingan dengan prinsip sebenar yang berteraskan mazhab Syafie.

Kajian ini hanya menumpukan beberapa aspek dalam amalan tersebut untuk dijadikan perbandingan bagi melihat realitinya dalam mengikuti prinsip-prinsip mazhab Syafie. Justeru itu tiga aspek akan diberi tumpuan dalam perbincangan ini iaitu kaedah para petani menentukan *nisab* minima bagi zakat padi, kaedah pembayaran dan amalan-amalan masyarakat setempat yang berkaitan dengan ibadah tersebut.

Namun demikian aspek undang-undang zakat yang terletak di bawah pelaksanaan Peraturan-peraturan Zakat Kedah 1982 juga turut dilihat untuk menilai sejauhmanakah amalan berzakat masyarakat Melayu di daerah kajian telah dilaksanakan selari dengan kehendak undang-undang sekalipun dalam

keadaan kebanyakan masyarakat di sini mendakwa amalan mereka berteraskan mazhab Syafie. Ini kerana hasil zakat pertanian yang dikutip menurut peraturan-peraturan zakat tersebut hanyalah tertumpu kepada zakat padi sahaja. Justeru perlu dilihat di sini realiti pelaksanaan amalan tersebut oleh para petani yang mengusahakan padi di daerah kajian.

#### **4.1 Penentuan *Nisab* Zakat Padi**

Secara umumnya para petani mengetahui bahawa hanya padi yang telah mencapai *nisab* sahaja diwajibkan zakat. Berhubung dengan persoalan tersebut umumnya para petani di sini khususnya masyarakat Melayu di daerah ini mempunyai kaedah tersendiri dalam menentukan *nisab* zakat bagi hasil padi mereka perolehi. Faktor keluasan sesebuah tanah sawah yang diusahakan tidak menjadi kayu ukur dalam menentukan *nisab* zakat. Zakat padi pula hanya akan dikeluarkan bagi setiap kali musim padi diusahakan iaitu setelah hasil dituai. Sekiranya berlaku bencana alam seperti banjir, kemarau dan seumpamanya maka zakat tidak akan dikeluarkan kerana konsep berzakat selepas menuai adalah menjadi asas utama kepada pelaksanaan kewajipan zakat padi. Kenyataan ini adalah berdasarkan maklum balas yang diterima daripada semua para petani yang ditemui. Malah mereka juga turut mengakui bahawa penentuan *nisab* hasil padi mereka dikira daripada hasil perolehan kasar. Ini bertepatan dengan Seksyen 13 Peraturan-peraturan Zakat Kedah 1982<sup>1</sup>.

Dalam menentukan *nisab* padi pada lazimnya mengikut amalan masyarakat Melayu di daerah kajian, ianya juga turut dipengaruhi oleh kaedah pungutan atau pengiraan hasil tuaian. Ini dibuktikan melalui maklum balas daripada kaji selidik yang diperolehi menunjukkan semua respondan mengakui bahawa sememangnya wujud dua cara untuk menilai hasil-hasil padi samada mencukupi *nisab* atau sebaliknya. Kaedah pungutan hasil yang dimaksudkan ialah kaedah pukal dan penggunian. Maksud kaedah pukal ialah padi yang dituai oleh jentuai dimasukkan terus ke dalam lori dan dibawa ke pusat-pusat jualan padi seperti kilang dan seumpamanya. Kaedah ini baru diperkenalkan sekitar tahun 80-an<sup>2</sup>.

Melalui kaedah pertama ini para pengusaha sawah tidak perlu mengupah pekerja mengisikan padi-padi yang telah dituai ke dalam guni. Justeru itu kaedah ini turut mengurangkan kos upah untuk mengisikan hasil-hasil padi ke dalam guni. Walaupun begitu para petani tidak dapat mengelakkan diri untuk membayar kos penghantaran padi ke kilang atau ke pusat-pusat jualan padi yang dilakukan oleh lori-lori yang mengambil upah berbuat demikian. Lebih 90 peratus respondan mengakui menggunakan kaedah tersebut malah bagi mereka kaedah tersebut lebih menjimatkan masa, tenaga dan perbelanjaan-perbelanjaan lain yang berkaitan.

Sungguhpun begitu kaedah penggunian juga masih diamalkan khususnya di kawasan-kawasan yang tidak boleh dimasuki oleh lori-lori pengangkut padi.

Kaedah ini lebih bersifat tradisional kerana melalui kaedah tersebut padi yang dituai oleh mesin akan dikumpulkan pada satu tempat dan kemudiannya diisi semula ke dalam guni oleh pekerja-pekerja yang diupah oleh tuan punya sawah. Padi-padi yang telah siap diisi ke dalam guni seterusnya akan dimuatkan ke dalam lori untuk dibawa ke pusat-pusat jualan. Perbezaannya dengan kaedah pukal ialah para pemilik sawah terpaksa menanggung kos yang lebih tinggi melalui kaedah ini iaitu kos mesin tuai, bayaran upah pekerja yang mengisikan padi ke dalam guni seterusnya memuatkan padi-padi yang siap diisi ke atas lori serta kos penghantaran padi ke pusat-pusat jualan.

Kewujudan dua kaedah pengumpulan hasil tuaian ini sebenarnya turut membezakan kaedah penentuan *nisab* bagi hasil-hasil padi yang diperolehi oleh para petani. Bagi petani yang menggunakan kaedah pukal, padi yang dimasukkan ke dalam lori akan ditimbang bersama-sama lori itu di pusat-pusat jualan. Jumlah berat padi kasar akan diperolehi setelah ditolak berat lori. Seterusnya ditolak juga peratus basah dan kekotorannya padi mengikut piawai pusat-pusat timbangan atau sesebuah pusat jualan<sup>3</sup>. Setelah itu harga keseluruhan padi akan diperolehi. Sekiranya jumlah hasil jualan padi tersebut mencapai kadar *nisab* yang telah ditentukan oleh Seksyen 13 Peraturan-peraturan Zakat Kedah 1982 maka wajib ke atas para petani mengeluarkan zakat.

Namun begitu, terdapat juga sebahagian petani yang menentukan kadar *nisab* dengan melihat keseluruhan harga hasil jualan dan dibahagikan hasil jualan tersebut mengikut purata nilai harga satu guni. Jadi dengan ini seseorang petani juga dapat mengetahui bilangan guni padi yang diperolehnya. Jika puratanya nilai harga itu adalah 200 guni maka zakatnya adalah 20 guni begitulah seterusnya berdasarkan kiraan 10 peratus daripada hasil kasar yang diperolehi. Persoalannya adakah kaedah ini menepati kadar *nisab* yang telah ditetapkan dalam mazhab Syafie ?

Untuk mendapat kepastian berhubung ketepatan kaedah penetapan *nisab* tersebut satu perbandingan kadar tersebut dengan kadar *nisab* yang telah ditetapkan melalui Seksyen 13 Peraturan-peraturan Zakat Kedah 1982 perlu dilakukan untuk memastikannya kesahihannya. Jika dilihat kepada kadar minima *nisab* yang dikeluarkan oleh peraturan-peraturan tersebut mengikut hitungan 10 *ausuq* adalah bersamaan 2 kunca 2 nalih 6 gantang 1 cupak 2 kepol atau 1,300.49 kg<sup>4</sup>. Jadi, jika jumlah berat padi yang diperolehi oleh seseorang petani mencapai kadar berat tersebut maka ianya telah mencapai *nisab* yang diwajibkan zakat.

Sementara itu untuk menentukan *nisab* melalui kaedah nilai harga padi maka ianya boleh dilihat secara perbandingan dengan nilai harga bagi kadar *nisab* minima yang telah dikeluarkan oleh Pejabat Zakat Negeri Kedah sebagaimana berikut<sup>5</sup>:

Contohnya:

Harga Padi : 1 kg bersamaan RM 0.65

Harga Subsidi : 1 kg bersamaan RM 0.2481

**RM 0.8981**

Jadi, harga padi yang telah cukup *nisab* minima ialah RM 0.8981 ( 1 kg ) x 1,300.49 kg ( 10 ausuq ) = RM 1,167.97. Berdasarkan kiraan 10 peratus sebagaimana yang ditetapkan dalam Seksyen 13 Peraturan-peraturan Zakat Kedah 1962<sup>6</sup> maka bagi pengusaha sawah yang telah mencapai hasil jualan padi mereka dengan harga keseluruhan ialah RM 1,1167.97 akan dikenakan zakat sebanyak RM 116.79<sup>7</sup>.

Manakala melalui kaedah kedua iaitu penggunaian, kadar *nisab* minima zakat padi yang biasanya di amalkan adalah mengikut anggaran lebih kurang 20 guni padi. Jadi, jika hasil padi yang diperolehi itu mencapai jumlah tersebut maka iaanya telah dianggap mencukupi *nisāb* dan petani yang mengusahakan sesebuah sawah tersebut wajib mengeluarkan zakat<sup>8</sup>. Amalan sedemikian sememangnya telah sedia dipraktikkan oleh para petani yang tidak menggunakan kaedah pukal semasa proses pengumpulan dan jualan padi berdasarkan maklumbalas yang diterima.

Timbul persoalan di sini, sejauhmanakah kaedah yang bersifat anggaran sebegini menepati kadar minima untuk menentukan *nisāb* padi sebagaimana yang telah dikeluarkan oleh pejabat zakat itu sendiri. Untuk melihat sejauhmanakah

ketetapananya maka kadar berat purata bagi seguni padi telah di ambil daripada BERNAS dan penenetuannya nisab boleh ditentukan mengikut cara pengiraan berikut:

Jika purata satu guni beratnya adalah 95 kg<sup>9</sup>.

Maka 20 guni ialah :  $95\text{ kg.} \times 20 = 1900\text{kg.}$

Dalam nilai harga = 1kg. bersamaan RM 0.8981, jadi harga 1 guni padi ialah RM 0.8981  $\times$  95kg. = RM 85.32. Oleh itu harga bagi 20 guni padi ialah RM 85.32  $\times$  20 guni = RM 1706.40.

Justeru itu jika dilihat kadar ini secara perbandingan dengan kadar *nisab* minima yang telah dikeluarkan oleh pejabat zakat maka ianya menunjukkan bahawa kaedah penentuan nisab zakat padi oleh masyarakat di daerah kajian telah jauh melebihi kadar *nisāb* yang sepatutnya. Jadi satu kesimpulan awal yang boleh penulis kemukakan di sini ialah amalan tersebut tidak menunjukkan *taklid* yang sebenarnya kepada mazhab Syāfie khususnya dalam penentuan nisab minima zakat padi. Ini boleh dibandingkan dengan kadar yang ditentukan oleh Pejabat Zakat Kedah itu sendiri.

Sementara itu terdapat segelintir masyarakat yang terlalu jahil dengan kaedah penentuan *nisāb* zakat padi berpegang kepada fahaman setiap 10 guni padi yang diperolehi diwajibkan zakatnya satu 1 guni. Namun demikian kaedah tersebut sebenarnya tidak menepati langsung kadar *nisāb* yang telah disepakati oleh para ulama termasuklah al-Syāfie.

Ini boleh dibuktikan dengan kiraan :

Jika 1 guni padi = 95kg.

Maka 10guni padi adalah = 950kg.

Manakala mengikut nilai harga pula 950kg. x RM 0.8981 = RM 853.20 .

Daripada hasil perbandingan di atas jelas menunjukkan perbezaan yang ketara di antara kadar minima nisab yang telah ditetapkan oleh Pejabat Zakat Negeri Kedah dengan amalan masyarakat. Ini membuktikan masih terdapat sebahagian masyarakat petani yang mengakui bertaklid kepada *mazhab* Syafie tetapi realitinya mereka tidak mengikut sepenuhnya prinsip-prinsip *mazhab* tersebut khususnya dalam pengiraan untuk menentukan nisab bagi hasil padi mereka.

Selain itu, hasil perbincangan ini juga membuktikan terdapat tiga kadar *nisab* minima yang telah sedia diamalkan oleh para petani di sini. Pertama golongan yang mengikut ketetapan kadar *nisab* yang dikeluarkan oleh Pejabat Zakat melalui peruntukan Seksyen 13 Peraturan-peraturan Zakat Kedah 1982, manakala kedua pula ialah golongan masyarakat yang hanya melakukan anggaran daripada jumlah guni padi yang diperolehi manakala golongan ketiga pula ialah yang boleh dikategorikan jahil kerana penentuan *nisab* minima yang diamalkan oleh mereka langsung tidak mencapai kehendak hukum yang sebenarnya.

Sekalipun wujudnya tiga kaedah yang berbeza dalam menentukan *nisab* zakat padi namun hampir 75 peratus daripada respondan yang ditemui mengakui bahawa mereka masih mengeluarkan 10 peratus daripada hasil padi sebagai zakat tanpa ditolak kos-kos penyelenggaraan seperti kos membajak, meracun, menuai dan lain-lain yang perlu ditanggung oleh mereka. Amalan sebegini dilakukan berdasarkan *taklid* kepada *mazhab* Syāfie sebenarnya, dari satu aspek membebankan para petani kerana selain kewajipan zakat yang mesti ditunaikan mereka juga perlu menanggung kos penyelenggaraan sawah yang makin meningkat<sup>10</sup>.

Berdasarkan situasi tersebut timbul inisiatif untuk mengkaji semula amalan mengeluarkan zakat yang telah diamalkan oleh masyarakat petani di Kedah kerana hikmah pensyiaratannya zakat yang sebenarnya tidak dapat ditonjolkan. Inisiatif tersebut dilakukan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah kerana melihat kepada keadaan para petani di negeri ini yang sehingga kini masih berada dalam golongan yang berpendapatan rendah. Fenomena ini berlaku kerana mereka beramal mengikut prinsip *mazhab* Syāfie yang mewajibkan zakat dikeluarkan daripada hasil kasar yang diperolehi tanpa perlu menolak hutang dan segala kos perbelanjaan mengusahakan sawah mereka.

Sehubungan dengan itu Jawatankuasa tersebut telah mengeluarkan fatwa<sup>11</sup> bahawa para petani boleh bertaklid kepada *mazhab* Hanafi dalam mengira kadar *nisab* zakat. Mengikut pandangan daripada *mazhab* Hanafi semua hasil

padi yang diusahakan akan dihitung kemudian ditolak semua kos yang ditanggung oleh petani dengan mengambil kira daripada proses penyediaan tanah untuk tanaman padi, penyediaan benih, kos penjagaan sawah dan segala perbelanjaan yang berkaitan sehingga hasil jualan padi diperolehi. Jadi, penentuan *nisab* hanya akan diambil kira daripada jumlah bersih hasil padi yang diperolehi ditolak semua hutang-hutang dan perbelanjaan berkaitan sepanjang satu musim padi diusahakan.

Ini memberikan sedikit perbezaan dengan *mazhab* Syafie yang mewajibkan zakat daripada hasil kasar yang diperolehi. Pun begitu kaedah prinsip daripada *mazhab* Syafie sebenarnya banyak membebankan para petani kerana hasil yang diperolehi terpaksa dibelanjakan untuk menampung kembali kos penyelenggaraan sawah mereka. Penilaian semula kaedah amalan menentukan *nisāb* mengikut *mazhab* Syafie ini sebenarnya sedikit sebanyak memberikan keringanan kepada para petani khususnya, malah lebih dari itu hikmah pensyari'atan zakat dapat ditonjolkan kerana masyarakat petani merasakan kewajipan zakat sebenarnya tidak membebankan mereka. Sehubungan dengan itu fatwa ini telah memberi satu kelonggaran kepada para petani malah meringankan beban yang ditanggung oleh mereka. Reaksi berhubung fatwa tersebut sangat baik, malah ada di antara mereka yang telah melaksanakannya.

Namun demikian terdapat lebih 75 peratus respondan yang ditemui masih mengamalkan cara *mazhab* Syāfie. Bagi mereka amalan tersebut tidak menimbulkan kerumitan kerana sudah biasa melakukannya. Malah bagi mereka untuk mengikuti sesuatu yang baru perlulah dipelajari terlebih dahulu kerana dibimbangi berlaku percampuran dalam melakukan ibadah. Selain itu mereka juga melahirkan kebimbangan akan berlaku kekeliruan dalam masyarakat jika sebahagian mengamalkannya manakala sebahagian lagi tidak berbuat demikian.

Fenomena ini menunjukkan bahawa keta'assuban sesetengah masyarakat Melayu di sini masih menebal sekalipun mereka mengetahui terdapat prinsip-prinsip *mazhab* lain lebih memberikan kelonggran kepada mereka untuk beramal. Ini berpunca daripada keterikatan mereka yang begitu lama dengan amalan berzakat cara *mazhab* Syāfie, jadi perasaan kekok untuk mengubah cara lama itu sedikit sebanyak masih wujud di kalangan sesetengah masyarakat. Keadaan ini mungkin boleh diubah sekiranya masyarakat diberikan penerangan yang mendalam sehingga boleh menanam keyakinan kepada mereka untuk beramal dengan sesuatu perkara baru yang cuba diperkenalkan.

#### **4.2 Kaedah Pembayaran Zakat Padi**

Sebagaimana yang telah dijelaskan dalam al-Quran<sup>12</sup> bahawa terdapat lapan golongan sahaja yang termasuk dalam kategori *asnāf* zakat. Ini bermakna golongan selain daripadanya terkeluar daripada orang-orang yang layak menerima zakat. Pengkhususan lapan golongan ini juga dinyatakan melalui

Seksyen 2 Peraturan-peraturan Zakat Kedah 1982 yang turut menetapkan golongan-golongan yang berhak menerima zakat seperti ‘*amil*, fakir, miskin, *mualaf*, *ibni sabil*, *fi-sabilillah*, *firriqāb* dan *al-ghārimīn*. Manakala Seksyen 3 undang-undang tersebut pula menyatakan bahawa orang-orang bukan Islam dan keluarga Bani Hashim tidak layak menerima zakat.

Berhubung dengan persoalan pembayaran zakat ini, telah didapati wujudnya dua kaedah pembayaran yang diamalkan oleh para petani iaitu pembayaran melalui saluran rasmi dan saluran tidak rasmi. Saluran rasmi yang di maksudkan di sini ialah pembayaran yang dilakukan kepada Jawatankuasa Zakat, ‘*amil*-‘*amil* zakat atau wakil-wakil pemungut zakat yang telah dilantik oleh Pejabat Zakat Negeri Kedah itu sendiri.

Kewajipan membayar zakat padi kepada ‘*amil* yang dilantik tidak dinyatakan dengan jelas melalui mana-mana peruntukan di dalam Peraturan-peraturan Zakat Kedah 1982. Namun begitu kewajipan tersebut boleh difahami daripada Seksyen 4 (i) dan (ii) yang berbunyi:

(i) “*Hendaklah Jawatankuasa sahaja memungut zakat dan bolehlah Jawatankuasa mengangkat Jawatankuasa Kerja dan pegawai-pegawai bagi menyempurnakan kerja bagi pihaknya*”.

(ii) “*Berkuasalah Jawatankuasa atau ‘amil menjual semua padi yang dipungut sebagai zakat dan Jawatankuasa hendaklah membahagikan pendapatan bersih daripada penjualan itu menurut kadar yang ditetapkan menurut undang-undang Islam*.”

Selain daripada seksyen di atas kewajipan membayar kepada ‘amil juga boleh dilihat melalui Seksyen 9 (iii) yang memperuntukkan bahawa Jawatankuasa Zakat:

*“ Ia bertanggungjawab di atas hal memungut zakat padi, biji-bijian dan lain-lain hasil dengan sempurnanya.”*

Sehubungan dengan peruntukan-peruntukan undang-undang berkenaan maka jelaslah bahawa para petani terikat dengan undang-undang dalam melaksanakan kewajipan berzakat padi. Jadi, dengan itu sewajarnyalah para petani membayar zakat padi mereka kepada pegawai-pegawai zakat yang dilantik oleh Pejabat Zakat itu sendiri seperti para ‘amil dan lain-lain yang dilantik untuk berperanan di kawasan-kawasan yang telah ditetapkan. Walaupun begitu para petani juga boleh datang membayar terus zakat padi mereka di Pejabat berkenaan<sup>13</sup>.

Ketegasan undang-undang ini dapat dilihat melalui beberapa peruntukan yang menunjukkan bahawa menjadi satu kesalahan sekiranya para petani tidak membayar zakat padi mereka kepada para petugas seperti para ‘amil dan pegawai-pegawai lain yang menjalankan tugas tersebut. Ini dapat dilihat melalui Seksyen 15(i) yang memperuntukkan bahawa mana-mana orang :

- (b) *tiada membayar atau enggan membayar zakat dengan sepenuh yang dikehendaki ia membayar menurut peraturan ini kepada 'Amil;*
- (c) *membayar zakatnya yang dikehendaki diberi menurut peraturan ini kepada orang lain daripada 'Amil;*
- (g) *menjual, memindah milik atau dengan jalan apa juapun melepas padi atau tanaman padi daripada miliknya dengan niat hendak melepaskan daripadanya bayaran zakat, adalah melakukan kesalahan menurut peraturan ini dan apabila disabit kesalahannya boleh dihukum denda tiada lebih daripada lima ratus ringgit atau penjara tiada lebih daripada enam bulan.*

Berhubung dengan persoalan ini maklumbalas yang diterima telah menunjukkan 75 peratus daripada respondan mengakui mereka membayar zakat melalui saluran rasmi. Pembayaran dilakukan dalam dua kaedah iaitu membayar terus dengan wang kepada 'amil-'amil yang dilantik atau terus ke pejabat zakat dan membayar zakat dengan menyerahkan padi zakat kepada 'amil-'amil yang dilantik.

Sementara maksud pembayaran melalui saluran tidak rasmi bermaksud pembayaran yang dilakukan sendiri oleh para petani kepada golongan-golongan yang dianggap mereka menepati kelayakan *asnāf* zakat. Amalan sebegini telah mewakili 25 peratus daripada respondan yang mengakui membayar zakat melalui saluran tidak rasmi. Asasnya wujudnya sikap sedemikian adalah berpunca daripada beberapa sebab antaranya:

- i. Tidak yakin dengan kemampuan pihak Pejabat Zakat untuk mengagihkan zakat kepada golongan-golongan yang berkelayakan. Dalam kata lain tidak percaya kepada institusi tersebut dalam menjalankan tanggungjawabnya.
- ii. Faktor pemilihan '*amil*' yang tidak menepati kriteria majoriti para penduduk sesebuah kawasan. Ini memberi maksud sebahagian daripada '*amil*' yang dilantik terdiri daripada orang-orang yang "*tidak popular*" di dalam sesuatu kampung. Tidak popular yang dimaksudkan ialah tidak dihormati malah menurut beberapa orang penduduk di salah sebuah mukim di daerah ini '*amil*' yang dilantik adalah *fasiq*. Penilaian ini dibuat kerana '*amil*' tersebut jarang kelihatan bersolat jama'ah bersama-sama penduduk setempat malah juga jarang-jarang kelihatan ketika solat Jumaat.
- iii. Faktor perbezaan politik di antara penduduk dengan '*amil*'. Ini jelas kerana terdapat sesetengah yang mana '*amil*' yang dilantik melalui pemilihan oleh Pengurus Jawatankuasa Kemajuan Kampung (JKKK) yang sudah pasti memihak kepada pemerintah. Sehubungan dengan itu golongan yang enggan membayar zakat kepada '*amil*' menyifatkan '*amil*

adalah menjadi wakil kepada pihak pemerintah<sup>14</sup>.

Menurut golongan ini, mereka membayar zakat kepada golongan-golongan yang dirasakan berkelayakan pada mereka di samping melihat kepada amalan masyarakat setempat. Di antara golongan yang termasuk dalam kategori penerima zakat mereka adalah:

- i. Saudara-mara yang memerlukan pertolongan, malah bagi mereka lebih *afdal* memberikan zakat kepada saudara terdekat yang lebih memerlukan.
- ii. Jiran tetangga dan sahabat handai yang tidak berkemampuan.
- iii. Golongan-golongan yang pada tanggapan masyarakat setempat banyak memberi sumbangan seperti guru-guru agama yang mengajar di kampung-kampung.
- iv. Memberi zakat kepada wakil-wakil institusi-institusi pengajian agama seperti institusi pondok dengan tujuan untuk membantu pembangunan institusi tersebut.
- v. Membayar zakat mereka kepada usaha-usaha yang dianggap kebajikan seperti untuk pembangunan masjid, perjuangan menegakkan Islam dengan memberikan zakat kepada wakil-wakil parti yang mendakwa memperjuangkan Islam, pusat-pusat asuhan kanak-kanak seperti PASTI<sup>15</sup> dan lain-lain yang pada pandangan mereka boleh membawa ke arah kebajikan.

Berhubung dengan pembayaran zakat melalui jalan tidak rasmi ini, penulis ingin melihat dua aspek yang boleh menjadi kayu ukur bagi menilai sejauhmanakah amalan masyarakat ini menepati prinsip-prinsip *mazhab* Syafie. Pertamanya ialah bentuk pembayaran zakat dan *asnaf-asnaf* yang telah dipilih oleh para pembayar zakat.

#### **4.2.1 Bentuk Pembayaran Zakat**

Berhubung dengan persoalan pertama iaitu bentuk pembayaran zakat, tidak dinyatakan dengan jelas di dalam al-Quran tentang kaedah agihan zakat tersebut samada agihan dalam bentuk '*ain* ( hasil tanaman itu sendiri ) atau *qimah* ( nilai ) bagi hasil zakat.

Keumuman sebegini telah melahirkan berbagai tafsiran di kalangan ulama' dalam menetapkan kaedah pengeluaran zakat tanaman. Dalam amalan petani di sini kaedah agihan wujud dalam dua cara iaitu dikeluarkan dengan padi itu sendiri dan pengeluaran melalui wang dengan menilai harga padi yang wajib dikeluarkan zakat<sup>16</sup>.

Kaedah pembayaran zakat yang diamalkan oleh di sini sebenarnya berkait rapat dengan kaedah pengumpulan hasil padi itu sendiri. Jika padi yang dituai melalui kaedah penggunian maka zakat yang dikeluarkan adalah melalui padi ('*ain*) itu sendiri. Lazimnya para penerima zakat akan dipanggil ke tempat padi

dituai dan diserahkan padi itu sebagai zakat bagi para petani. Kemudiannya terserah kepada penerima zakat padi untuk menguruskan padi zakat yang diterima olehnya. Daripada pemerhatian, pengalaman dan penyelidikan didapati lebih 95 peratus penerima zakat akan menyerahkan kembali padi tersebut kepada pengeluar zakat dan untuk dijual bersama-sama padi pengeluar zakat. Ia hanya akan menerima hasil jualan padi tersebut sahaja.

Kaedah kedua pula dilakukan dengan pembayaran zakat dengan padi, namun ianya seolah-olah menunjukkan pengeluar zakat membayar zakat melalui harga (*qimah*) padi tersebut. Keadaan ini berlaku kerana terdapat “*helah*” semasa pengeluaran zakat. Untuk melaksanakan kaedah ini para petani akan membawa pulang satu atau dua guni padi. Bakinya akan dijual dan semua hasil padi yang dijual akan dinilai dengan harga dan dicampur padi yang dibawa balik mengikut purata satu guni padi. Kadar yang ditetapkan oleh BERNAS adalah bagi purata nilai satu guni adalah RM 89.81. Oleh itu jika harga 20 guni padi yang dijual adalah RM 1796.2 maka zakatnya adalah 2 guni atau dalam harga RM 179.62 kerana kaedah yang di pakai adalah masih 10 peratus.

Setelah mengetahui nilai hasil jualan dalam purata guni maka petani akan mengeluarkan zakat mengikut kaedah 10 peratus daripada jumlah guni tersebut. Penerima zakat akan di jemput ke rumah pengeluar zakat dan proses pengeluaran dilakukan dengan cara pengeluar zakat menyerahkan padi tersebut sebagai zakatnya. Proses ini telah melahirkan satu ‘*aqad*’ kerana penerima zakat

telah menerima padi tersebut daripada pengeluar. Jika dilihat dalam proses ini telah berlaku pengeluaran zakat secara '*'ain* ( padi ) itu sendiri. Namun sebenarnya proses ini adalah *simbolik* atau *helah* kepada pengeluaran zakat melalui harga padi.

Proses itu tidak terhenti setakat itu sahaja kerana berlaku pula proses kedua iaitu '*aqad* jual beli di mana penerima zakat akan menjualkan semula padi tersebut kepada pengeluar zakat tadi. Proses ini telah melahirkan '*aqad* jual beli di antara pengeluar dan penerima zakat. Sesudah selesai proses yang kedua barulah pengeluar zakat menyerahkan wang bagi harga padi zakat tersebut kepada penerima zakat. Inilah yang penulis maksudkan wujudnya konsep "*hiyāl*" sebagai satu kemudahan dalam pengeluaran zakat padi. Proses tersebut akan berulang ke atas penerima zakat lain dengan hanya menggunakan satu guni padi<sup>17</sup>.

Kaedah ini dilakukan kerana memudahkan para petani lantaran timbul kesulitan sebahagian para penerima zakat yang tidak dapat hadir semasa proses penuaian di jalankan. Sungguhpun demikian kaedah sebegini juga tidak begitu dipraktikkan oleh para petani setelah cara ketiga diperkenalkan yang lebih praktikal dan mudah. Apa yang menarik pada pandangan penulis ialah penggunaan kaedah ini sebenarnya adalah dalam usaha cuba mengelakkan pembayaran zakat yang telah diamalkan secara tradisi iaitu pembayaran zakat dengan padi itu sendiri dan dalam masa yang sama menerima kaedah yang lebih

mudah dipraktikkan iaitu membayar dengan nilai harga seguni padi.

Kaedah pengeluaran zakat padi yang ketiga adalah berkait rapat dengan pengumpulan padi secara pukal. Padi yang dituai terus dimasukkan ke dalam lori dan di bawa ke pusat jualan. Semua hasil ditimbang dan daripada hasil keseluruhan padi tersebut akan dibahagikan kepada purata nilai harga seguni padi. Setelah diketahui purata harga guni bagi harga keseluruhan padi tersebut maka di atas harga satu guni padi tersebutlah sahajalah zakat dikeluarkan. Kaedah pengeluaran zakat yang ketiga ini berbeza sekali dengan kaedah pertama dan kedua kerana zakat padi dikeluarkan dengan cara menyerahkan harga padi atau dalam bentuk nilai (*'qimah'*).

Bagi para petani yang membayar zakat melalui saluran tidak rasmi kaedah sebegini adalah satu kemudahan dan telah menjadi cara paling popular di kalangan mereka. Sungguhpun demikian pelaksanaanya pernah menimbulkan kontroversi kesan daripada sebahagian para petani kurang yakin dengan kaedah penetapan nilai harga padi seguni oleh pihak BERNAS. Kebimbangan ini berlaku kerana kaedah penggunaan lebih menzhirkan hasil yang sebenarnya di perolehi berbanding kaedah ketiga<sup>18</sup>.

Daripada ketiga-tiga kaedah pengeluaran zakat padi yang dipraktikkan oleh para petani di daerah ini kaedah ketiga lebih banyak dipraktikkan oleh mereka kebelakangan ini lantaran mudah dari segi pelaksanaannya. Mudahnya

kaedah ini boleh dilihat dari aspek pengiraan jumlah hasil padi berbanding kaedah pertama yang memerlukan para pekerja untuk mengisi semula padi yang di tuai oleh mesin ke dalam guni. Seterusnya kadar zakat akan dikira melalui kaedah 10 peratus daripada hasil keseluruhan padi yang telah mencapai nisab yang diperolehi sesudah selesai padi diisikan ke dalam guni.

Sekalipun kaedah ketiga tersebut pernah menimbulkan kontroversi malah ianya telah dipraktikkan oleh sebahagian besar para petani di daerah kajian dewasa ini. Malah lebih daripada 92.5 peratus yang ditemui mengakui kaedah ketiga telah dipraktikkan kerana banyak memberi kemudahan. Para petani tidak perlu lagi membawa balik padi ke rumah masing-masing malah tidak perlu menjemput para penerima zakat ke tempat-tempat tuaian dijalankan. Pembayaran zakat dengan wang atau nilai harga padi jauh lebih mudah unuk dilaksanakan.

Hasil perbincangan ini jelas membuktikan bahawa masyarakat Melayu khususnya para petani sentiasa mencari kaedah pembayaran zakat yang paling mudah untuk disempurnakan malah tidak dapat dinafikan bahawa mereka “*cuba lari*” daripada amalan tradisi yang agak menyusahkan.

Daripada isu-isu mengenai pembayaran zakat yang telah dibentangkan telah boleh dijadikan kayu ukur yang sememangnya tidak semua prinsip-prinsip *mazhab* Syāfi‘i diikuti malah jelas terdapat prinsip-prinsip *mazhab* lain yang diterima pakai kerana memberi kemudahan serta lebih mudah untuk

disempurnakan di samping bersesuaian dengan realiti kehendak masyarakat. Kenyataan ini dapat dilihat dalam kaedah pembayaran zakat yang diamalkan oleh para petani.

Hasil penyelidikan yang dijalankan telah menjadi bukti bahawa terdapat dua kaedah pembayaran zakat padi yang dipraktikkan iaitu membayar dengan padi ('ain) dan harga padi (*qimah*). Pembayaran dengan padi itu sendiri adalah menepati prinsip zakat mengikut *mazhab* Syafie kerana mengikut *mazhab* tersebut zakat tidak boleh dibayar dengan nilai atau harga. Alasannya adalah kerana zakat adalah hak Allah dan perintah kewajipan tersebut datang dalam bentuk yang jelas daripada hadith riwayat Abu Daud dan Ibn Majah yang menyatakan zakat biji-bijian mestilah dibayar dengan biji-bijian tersebut. Jadi, tiada keloggaran untuk mengalihkan ketetapan tersebut.

Sungguhpun demikian para petani telah cuba mengelakkan diri daripada mengikuti prinsip *mazhab* Syafie dalam hal ini kerana kaedah pembayaran dengan padi itu sendiri sebenarnya menyulitkan berbanding dengan pembayaran dengan wang. Malah realiti semasa menuntut agar mereka meninggalkan amalan tradisi kerana pada masa sekarang padi yang dituai terus di masukkan ke dalam lori dan dibawa ke kilang untuk dijual. Tambahan pula jika terus mengikut *mazhab* Syafie mereka perlu mengupah pekerja mengisikan padi ke dalam guni kemudian membawa ke kilang.

Semua ini memerlukan kos yang sedikit sebanyak akan membebankan para petani apatah lagi jika tanah sawah yang diusahakan tidak banyak. Amalan sebegini bertepatan dengan firman Allah<sup>19</sup>:

يَرِيدُ اللَّهُ بِكُمُ الْيُسْرَ وَلَا يَرِيدُ لَكُمُ الْعُسْرَ ...

*“Allah menghendaki kamu beroleh kemudahan dan ia tidak menghendaki kamu menanggung kesukaran<sup>20</sup>”*

Allah telah menggalakkan hambanya supaya tidak terlalu memberatkan dan menyusahkan dalam urusan-urusan yang berkaitan dengan agama. Hikmahnya agar umat Islam tidak merasakan semua urusan tersebut sebagai satu bebanan yang secara tidak langsung boleh menjauhkan mereka daripada Islam itu sendiri.

Keterangan ini juga bertepatan dengan maksud firman Allah<sup>21</sup>:

هُوَاجْتِبَكُمْ وَمَا جَعَلَ عَلَيْكُمْ فِي الدِّينِ مِنْ حَرْجٍ ...

*“..... dan ia tidak menjadikan kamu menanggung sesuatu keberatan dan susah payah dalam perkara agama<sup>22</sup>. ”*

Selain daripada keterangan ayat-ayat al-Quran terdapat juga kaedah *Fiqhiyyah*<sup>23</sup> yang turut menyatakan perlunya umat Islam menghilangkan kesukaran yang dialami dengan mengambil kemudahan yang telah diberikan oleh

Islam sepertimana kaedah yang berbunyi:

المشقة تجلب التسیر

“Kesukaran itu boleh dipermudahkan”

Alasan logik yang turut mengukuhkan pandangan ini ialah darurat seperti dalam kes pembayaran zakat haiwan. Kehilangan haiwan yang wajib dikeluarkan zakat sudah tentu menghalang pengeluar zakat untuk menunaikan kewajipan zakat tersebut namun jika digantikan dengan nilai haiwan tersebut sudah pasti memberi kemudahan kepada pengeluar zakat menunaikannya. Jika terus mengikut dan berpegang kepada pandangan *mazhab* Syāfie dalam keadaan sedemikian sudah pasti kewajipan tersebut tidak akan terlaksana<sup>24</sup>.

Berdasarkan keterangan di atas jelas menunjukkan bahawa amalan membayar zakat dengan nilai (*qīmah*) bukan daripada *mazhab* Syāfie malah pelaksanaannya yang lebih praktikal sebenarnya turut memperlihatkan hikmah pensyari'atan zakat itu sendiri yang berkonsepkan bantuan dan pertolongan yang boleh meringankan beban golongan yang memerlukan. Oleh itu sepatutnya dilaksanakan dengan cara yang memudahkan kedua-dua pihak samada pihak pengeluar maupun penerima zakat. Sekalipun cara pembayarannya tidak mengikut *mazhab* Syāfie tetapi ia masih mampu membuktikan sekalipun amalan-amalan yang dilakukan berteraskan prinsip-prinsip *mazhab* lain masih tercapai matlamat pensyari'atan zakat itu sendiri.

Jika dilihat dari aspek kesesuaian dan kemudahan untuk dilaksanakan zakat, lebih memihak kepada pandangan yang mengharuskan zakat dengan nilai kerana ia lebih memudahkan para penerima zakat membelanjakannya berbanding jika diberikan 'ain barang yang memerlukan urusan lain seperti hendak menjualnya semula bagi mendapatkan wang<sup>25</sup>. Kaedah sedemikian sebenarnya adalah berteraskan kepada amalan bertaklid kepada *mazhab* Hanafi. Kelonggaran ini juga dapat dilihat dalam Fatwa Negeri Kedah yang berdasarkan hujjah-hujjah berikut:

- i. Amalan Imam Balqini yang mengharuskan zakat emas, perak dan zakat perniagaan dibayar dengan duit tembaga dan mengikut Imam Bukhari yang telah mendahului Imam Balqini dalam masalah ini tetapi kita layak mengikuti fatwa ini kerana Imam Balqini juga adalah seorang ahli *Takhrij*.
- ii. Amalan Saidina Mu'az bin Jabal yang pernah memerintah penduduk Yaman supaya mengeluarkan zakat *sya'ir* (*jenis gandum*) dan jagung dengan pakaian.
- iii. Apabila diperintahkan oleh Sultan supaya dikeluarkan zakat dengan harga barang yang dikenakan zakat<sup>26</sup>.

Jelaslah jika dilihat dari sudut undang-undang, juga tidak menjadi satu kesalahan jika pembayaran dilakukan dengan nilai barang-barang zakat kerana

fatwa membenarkan amalan sedemikian melihat kepada hikmah pembayaran zakat dengan kaedah tersebut..

#### **4.2.2 Agihan Kepada Selain *Asnāf* Yang Di Tetapkan**

Satu isu yang tidak kurang pentingnya perlu dilihat tentang amalan mengagihkan zakat adalah pembayaran kepada pihak-pihak yang tidak termasuk dalam kategori *asnāf* yang layak menerima zakat sebagaimana yang dijelaskan dalam ayat 60 surah al-Taubah.

Penulis tidak bercadang di sini untuk membincangkan secara mendalam tentang *asnāf* zakat yang telah ditetapkan dengan jelas di dalam nas tetapi isu-isu pembayaran zakat kepada selain daripada asraf tersebut akan dibincangkan kerana ianya turut dipraktikkan oleh para petani. Malah penulis ingin melihat adakah wujud prinsip-prinsip daripada *mazhab* Syāfiie sendiri yang mengharuskan amalan tersebut. Sebanyak 25 peratus respondan mengakui pernah memberikan zakat kepada para pelajar yang sedang menuntut ilmu di pusat-pusat pengajian tinggi, masjid, surau, pondok-pondok<sup>27</sup>, Parti Islam SeMalaysia (PAS), PASTI ( Pusat Asuhan Tunas Islam kelolaan Parti Islam SeMalaysia ) dan segala usaha yang bersifat kebajikan.

Walaupun peratusnya tidaklah besar tetapi penulis ingin melihat sebab utama mereka berbuat demikian. Daripada penyelidikan yang dijalankan di dapati bahawa semua respondan mengakui mereka memberikan zakat kepada

golongan tersebut di atas *asnaf fi-Sabilillah* dan kebajikan. Mereka melihat segala usaha yang berbentuk kebajikan adalah termasuk dalam asnaf tersebut sekalipun realitinya ulama' berbeza pendapat tentang kedudukan *asnāf fi-Sabilillah*. Hasil keputusan tersebut memberi satu gambaran kepada penulis meyakini bahawa para petani di daerah kajian melihat betapa luasnya konsep *fi-Sabilillah* yang terkandung di dalam konsep asnaf tersebut dalam ayat 60 surah al-Taubah.

Daripada reaksi tersebut penulis dapat membuat satu kesimpulan bahawa konsep *fi-Sabilillah* pada pandangan masyarakat di sini terlalu luas merangkumi segala usaha yang dilakukan untuk tujuan menegakkan Islam dan usaha-usaha yang bersifat amalan kebajikan. Sehubungan dengan itu tidak hairanlah mengapa mereka begitu yakin mengagihkan zakat padi mereka kepada pihak-pihak yang dirasakan tergolong dalam kategori kebajikan di atas asnaf tersebut apatah lagi yang telah nyata pada pandangan mereka untuk tujuan tersebut seperti pembangunan masjid, membantu institusi pondok dan membantu perjuangan Islam melalui sumbangan mereka kepada Parti Islam SeMalaysia dan PASTI itu sendiri.

Ini bermakna penerimaan prinsip *mazhab* Hanafi juga turut diterima pakai dalam amalan mengagihkan zakat kepada perkara-perkara yang berunsurkan kebajikan. Fatwa Negeri Kedah No. 76 dengan jelas menyatakan masjid tidak termasuk dalam asnaf yang layak menerima zakat. Pun begitu terdapat para petani

yang masih membayar zakat mereka kepada institusi tersebut dan lain-lain yang mereka anggap sebagai kebajikan.

Berhubung persoalan ini *jumhūr fuqahā*<sup>28</sup> termasuk Imam Syāfiie sendiri telah sepandapat mengatakan bahawa tidak boleh diberikan zakat selain daripada *asnāf* yang disebut di dalam al-Quran kerana ayat 60 Surah al-Taubah. Ayat tersebut telah menjelaskan hanya lapan asnaf sahaja yang layak menerima zakat. Pihak-pihak selain daripada asnaf yang disebutkan tidak berhak ke atas zakat. Namun demikian amalan tersebut masih dibenarkan berdasarkan perluasan maksud *asnāffī-Sabilillah* sebagaimana yang dijelaskan oleh al-Kāsāni<sup>29</sup>.

Ketetapan tersebut jelas bukan daripada *mazhab* Syāfiie juga tetapi tidak menjadi satu kesalahan dari sudut *syara'* kerana ada pendapat yang mengharuskan. Perluasan konsep *fī-Sabilillah* ini sebenarnya telah membuka ruang kepada para pengeluar zakat untuk melaksanakan kewajipan tersebut dengan lebih mudah bertepatan dengan realiti hari ini kerana terdapat institusi-institusi yang memerlukan pembelaan daripada umat Islam sendiri.

Kelaziman sebegini pada pandangan penulis perlu diteruskan kerana jika ditinjau kepada infrastruktur sesetengah masjid, sekolah-sekolah agama rakyat dan seumpamanya memperlihatkan betapa perlunya bantuan sumber kewangan untuk pembangunan yang lebih baik. Ini kerana tidak semua institusi-institusi tersebut mendapat bantuan dan pemerhatian daripada pihak pemerintah lantaran

mereka tidak terlibat secara langsung terhadap pembangunan institusi-institusi tersebut. Justeru itu dengan hasil zakat sedikit sebanyak dapat membantu pembangunan dan juga membuktikan keprihatinan dan tanggungjawab umat Islam sendiri kepada agama mereka.

Hasil kajian dan perbincangan ini jelas membuktikan bahawa sememangnya budaya bertaklid kepada *mazhab-mazhab* tertentu sememangnya menjadi amalan masyarakat Melayu sebagai panduan untuk melaksanakan tanggungjawab mereka sebagai individu Muslim. Amalan sedemikian sebenarnya mempunyai kesan positif dan negatif terhadap masyarakat Islam.

#### **4.3 Kesimpulan**

Sekalipun masyarakat Melayu umumnya mengakui mereka bertaklid kepada *mazhab* Syāfie namun mereka juga turut menerima prinsip-prinsip daripada *mazhab* lain dalam beberapa kedaan yang lebih memberikan kesempurnaan dan kemudahan dalam melaksanakan keawujiran mereka sebagai seorang Muslim. Sehubungan dengan itu amalan tersebut boleh dilihat sebagai satu kebaikan dan *rukhsah* kerana dapat menghilangkan kesulitan yang timbul.

Tidak dapat dinafikan bahawa masih terdapat golongan yang begitu menebal taklidnya terhadap *mazhab* Syāfie sehingga dalam perkara-perkara yang boleh memberikan kemudahan pun mereka tidak boleh menerimanya. Namun begitu kita tidak boleh melihat sikap sedemikian sebagaimana suatu

prinsip yang bertentangan dengan Islam itu sendiri. Ini kerana golongan tersebut masih mengikut prinsip-prinsip *mazhab* Syafie itu malah mereka mempunyai alasan tersendiri yang perlu dihormati oleh semua pihak.

Sementara itu sekalipun terdapat beberapa peruntukan undang-undang melalui Peraturan-peraturan Zakat Kedah 1982 yang dengan tegas meletakkan garis panduan dalam melaksanakan zakat padi namun masih terdapat segelintir masyarakat yang tidak menjadikan perundangan tersebut sebagai garis panduan yang perlu diikuti. Fenomena ini lahir berpunca daripada perbezaan latar belakang politik serta amalan tradisi masyarakat yang lebih sebatik kepada mereka. Justeru itu langkah sewajarnya perlu diambil supaya wujud keselarasan di kalangan umat Islam dalam melaksanakan kewajipan tersebut agar syari'at itu terlaksana dengan sempurna.

## **NOTA HUJUNG**

<sup>1</sup> Peraturan-peraturan Zakat Negeri Kedah 1982. Sila lihat lampiran

<sup>2</sup> Temubual bersama Tuan Haji Abd. Hamid bin Lebai Saad, Penolong Setiausaha juga merangkap Pegawai Zakat Daerah Kota Setar pada 29hb. April 2000, jam 10:00 pagi di Pejabat Zakat Kedah.

<sup>3</sup> Ibid

<sup>4</sup> Seksyen 13, Peraturan-peraturan Zakat .Sila lihat lampiran

<sup>5</sup> Kaedah Pengiraan yang dikeluarkan oleh Pejabat Zakat Negeri Kedah. Sila lihat lampiran

<sup>6</sup> Kadar 10 peratus dikenakan ke atas hasil padi kerana padi yang diusahakan di daerah kajian mendapat sumber air daripada sistem pangairan yang telah disediakan oleh pihak MADA.

<sup>7</sup> Ibid

<sup>8</sup> Temubual bersama Haji Abd. Hamid, op.cit.

<sup>9</sup> Sumber daripada BERNAS ( Beras Nasional ) Kedah

<sup>10</sup> Op.cit.

<sup>11</sup> Sila lihat lampiran Fatwa Negeri Kedah

<sup>12</sup> Surah al-Taubah : 60

<sup>13</sup> Temubual bersama Encik Burhanuddin bin Haji Ahmad, Penyelia Zakat Daerah Kota Setar, pada 17hb. Mei 2000 Jam 8:30 a.m.

<sup>14</sup> Ibid

<sup>15</sup> Pusat asuhan kanak-kanak Islam peringkat Pra-Sekolah di bawah kelolaan Parti Islam SeMalaysia ( PAS )

<sup>16</sup> Temubual bersama Encik Hasfullah bin Shamsuddin, Penyelia Zakat Daerah Kota Setar pada 16hb. Oktober 1999, Jam 10:30 a.m. di Pejabat Zakat Negeri Kedah

<sup>17</sup> Temubual bersama Abdullah Haji Ahmad, pesawah yang mengusahakan tanah seluas 10 relung terletak di Kampung Hutan Kandis Alor Setar Kedah pada 14 hb. Oktober 1999, Jam 9:00 a.m.

<sup>18</sup> Temubual bersama Ustaz Abidin bin Ahmad, seorang guru agama yang mengajar pengajian ilmu-ilmu agama di masjid, surau dan lain sekitar kawasan Langgar dan Pokok Sena dalam daerah Kota Setar. Pada 10 hb. Oktober 1999, Jam 4:30 p.m.

<sup>19</sup> Al-Baqarah: 185

---

<sup>20</sup> **Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Quran**, BHEIS, Jabatan Perdana Menteri, hlm. 70

<sup>21</sup> Surah al-Hajj: 78

<sup>22</sup> Wahbah al-Zuhaily, 1997, **al-Fiqh al-Islāmi wa-adillatuhu**, Beirut : Dar al-Fikr al-Mu'asir, Jil.3, hlm. 861

<sup>23</sup> Al-Suyuti,1996, **al-Asybah wa al-Nadzāir**, Lubnan, cet.ke-2, hlm. 102

<sup>24</sup> Al-Nawāwi, 1972, **al-Majmu Syarh al-Muhadhab**, Mesir, Dar al-'Ulum, Vol. V, hlm. 447

<sup>25</sup> Wahbah al-Zuhaily, op.cit, Juz. 3. hlm.1938

<sup>26</sup> Fatwa Negeri Kedah, sila lihat lampiran

<sup>27</sup> Pondok yang dimaksudkan oleh penulis adalah tempat-tempat pengajian ilmu-ilmu Agama yang diasaskan oleh Tokoh-tokoh agama di sesbuah kawasan. Contohnya Haji Hussein di dan Pondok Sheikh Abdullah di Langgar Alor Setar Kedah dan lain-lain

<sup>28</sup> Al-Syirāzi, 1976, **al-Muhadhdhab**, Mesir : Mustafa la-Halabi, Jil. 1, hlm. 170. Lihat juga Ibn Qudāmah, 1972, **al-Syarh al-Kabir**, Lubnan, Dar al-Kitab al-'Arabi, Jil. 1, hlm. 397. Lihat juga al-Kasani, t.t., **Bādā'i al-Sanā'i fi Tartīb al-Syā'i**, Mesir, Jil.2, hlm. 45. Lihat juga Ibn. Qudāmah,1972, **al-Mughni**, Mesir, Dar al-Kitab al-'Arabi, Jil 2, hlm. 667. Lihat juga Wahbah al-Zuhaili, op.cit, Jil. 3, hlm. 1958

<sup>29</sup> Al-Kasani, Ibid, hlm. 45